

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) pulang
- (ii) pulangan
- (iii) memulangkan
- (iv) mansuh
- (v) pemansuhan
- (vi) memansuhkan

[6 markah]

(b) *Tulis semula perbualan di bawah dalam bentuk karangan biasa dengan menggunakan **cakap pindah**.*

*Kumar* : Daniel, kau nak ke mana?

*Daniel* : Tak ke mana-mana. Aku nak ambil angin sekejap.

*Kumar* : Wah, Daniel hebat kau sekarang! Semua soalan fizik tadi kau boleh jawab.

*Daniel* : Mana ada? Biasa aje.

*Kumar* : Apa rahsia kau semakin bijak ni? Kongsilah dengan aku.

*Daniel* : Tak adalah. Aku cuma buat ulangkaji dan belajar dengan abang aku aje.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pasar raya besar itu meletak papan tanda khas bagi memudahkan pelanggan mereka membeli produk keluaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
- (ii) Pengalaman luas dalam bidang akaun menjadi batu loncatan kepada wanita tersebut untuk menerajui syarikat konglomerat yang tersohor itu.
- (iii) Kumpulan jurutera tersebut berlepas ke Jerman pada minggu lalu untuk mendalami kemahiran menggunakan jentera berteknologi tinggi dalam industri cari gali minyak.

[6 markah]

## LATIHAN PENGUKUHAN TATABAHASA 2018

(d) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kegiatan luar anak-anak perlulah ibu bapa awasi secara meluas agar mereka tidak terpengaruh dalam masalah sosial.
- (ii) Ilmu tentang kehidupan merupakan pengalaman yang berguna kepada para remaja untuk merempuh kehidupan di masa akan datang.
- (iii) Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa mengalu-alukan pemberian darah daripada orang ramai supaya membantu menyelamatkan nyawa pesakit.

[6 markah]

(e) Isi tempat kosong di bawah dengan menggunakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.

Sekolah merupakan institusi formal yang mampu melahirkan modal insan yang akan memajukan negara. Bagi mencapai matlamat ini, guru-guru hendaklah menjalin hubungan yang erat dengan murid-murid di samping bekerjasama bagai .....(i)..... Selain itu, mereka perlulah berusaha dengan gigih dan rajin untuk menempa kecemerlangan kerana .....(ii)..... Sebagaimana yang diketahui, resepi kejayaan seseorang murid ialah permuafakatan antara guru dengan ibu bapa dalam melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi murid-murid dalam akademik. Apabila bermuafakat, sesuatu kejayaan mudah diperoleh kerana .....(iii).....

[6 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) cakar
- (ii) mencakar
- (iii) bercakaran
- (iv) bunyi
- (v) berbunyi
- (vi) sebunyi

[6 markah]

(b) *Tulis semula perbualan di bawah dalam bentuk karangan biasa dengan menggunakan **cakap pindah**.*

Siti bertanya kepada Faiz, “Mengapakah awak tidak menghadiri latihan zapin semalam?” “Kaki saya sakit kerana saya terjatuh di tangga semalam,” kata Faiz kepada Siti. Lantas Siti bertanya kepada Faiz, “Bagaimana awak boleh jatuh tangga?” “Saya tidak perasan ada satu anak tangga lagi sewaktu menuruni tangga rumah datuk saya,” Faiz menjawab pertanyaan Siti. Lalu Siti berkata lagi kepada Faiz, “Faiz, saya fikir lebih baik awak pergi berurut untuk membetulkan urat saraf awak.” “Baiklah, saya akan pergi berurut di kampung sebelah pada petang nanti,” Faiz berkata kepada Siti.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kemahiran berfikir secara kreatif dapat mentakrifkan sebagai keupayaan minda dan pemikiran seseorang untuk meneroka pelbagai ilmu.
- (ii) Usia remaja merupakan antara waktu terbaik untuk pembentukan kemahiran berkomunikasi secara interpersonal.
- (iii) Syarikat tersebut telah menghasil sos cili yang amat sedap dimakan bersama dengan udang goreng dan keropok lekor.

[6 markah]

## LATIHAN PENGUKUHAN TATABAHASA 2018

- (d) Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda juga tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Penyediaan makanan yang mematuhi standard pemakanan sangat penting sekali bagi mengatasi isu pengguna mengalami kekotoran makanan. Peralatan-peralatan memasak seperti periuk, kualiti, pisau dan sudip mestilah berada dalam keadaan bersih. Selain itu, bahan masakan juga haruslah berada dalam keadaan segar, berkuantiti dan bukan melepasi tarikh habis ataupun dalam keadaan yang terdedah dengan kekotoran.

[6 markah]

- (e) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan **tiga peribahasa** yang bersesuaian dalam petikan tersebut.

Kes salah laku pelajar di sekolah hendaklah disiasat dengan teliti supaya mereka tidak menjatuhkan hukuman kepada pelajar yang tidak bersalah. Walaupun pelajar yang melakukan kesalahan-kesalahan itu bijak mengelakkan diri, namun guru pasti dapat membongkar kegiatan mereka suatu hari nanti. Pelajar yang menimbulkan masalah ini sepatutnya memikirkan baik dan buruknya perbuatan mereka agar tidak menyesal pada hari kemudian.

[6 markah]